

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKA-  
AN PERSIDANGAN PENUBUHAN MAJLIS PENASIHAT  
BELIA MALAYSIA, KUALA LUMPUR PADA 4 JULAI,  
1964

Saya sangat sukacita pada had ini kerana dapat peluang bertemu muka dan bercakap dengan pemimpin-pemimpin belia dari seluruh Malaysia. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih di atas kehadiran tuan-tuan dan puan-puan sekalian ke Persidangan menubuhkan satu Jawatankuasa Kcbangsaan W.A.Y. bagi Malaysia. Persidangan hari ini adalah bersejarah kerana kita akan menubuhkan satu sahaja badan kebangsaan untuk mewakili Malaysia di Persidangan Majlis Belia Sedunia atau W.A.Y. Pada masa sekarang Malaysia diwakili oleh dua badan ke Persidangan W.A.Y. iaitu Majlis Belia Malaya atau M.Y.C dan oleh Majlis Belia Sarawak.

Keadaan ini tidak boleh dipanjangkan lagi dengan lahirnya Malaysia. Malaysia mesti diwakili oleh satu badan sahaja di Persidangan Antarabangsa, baik dalam bidang ekonomi, politik, sukan ataupun pemuda. Apa lagi sangatlah mustahak kita diwakili oleh satu sahaja badan belia kebangsaan di Persidangan W.A.Y. yang akan diadakan di Amerika tidak lama lagi itu kerana saya faham Indonesia akan melancarkan konfrantasinya yang kita terima, Indonesia akan membawa satu pindaan kepada Perlembagaan Majlis Belia Sedunia kerana hendak menghindarkan pengakuan W.A.Y. terhadap penubuhan Malaysia dan Jawatankuasa Kebangsaan W.A.Y. Malaysia. Perbuatan Indonesia ini ialah semata-mata bertujuan hendak menjatuhkan maruah negara Malaysia dan maruah bangsa dan rakyat kita. Ini adalah merupakan satu cabaran Indonesia terhadap kita yang mesti kita terima. Maka amatlah mustahak Majlis Belia Malaysia diwakili oleh satu badan sahaja dan oleh orang-orang yang cekap di Persidangan W.A.Y. itu.

Saya menyeru kepada badan-badan belia yang hadir di persidangan ini supaya mengenyepikan segala perasaan, perasaan berpuak-puak, perasaan yang sempit dan hendaklah perasaan untuk kepentingan negara dan keselamatan rakyat Malaysia diutamakan. Rakyat Malaysia mestilah menunjukkan kekuatan perpaduannya dalam menghadapi konfrantasi Indonesia di segala lapangan, apa lagi di persidangan-persidangan antarabangsa seperti Persidangan W.A.Y. ini. Di Persidangan hari ini, tuan-tuan dan puan-puan akan diminta menunjukkan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada Malaysia dan kepada kepentingan kebangsaan dan cara yang baik bagi tuan-tuan dan puan-puan menunjukkan taat setia

itu ialah dengan menolong menubuhkan satu Majlis Kebangsaan Belia Malaysia yang akan mewakili Malaysia di Persidangan W.A.Y. kelak dengan tidak payah mengungkit-ungkitkan perkara-perkara yang kecil. Tunjukkanlah taat setia tuan-tuan dan puan-puan dengan menyokong penuh dasar Kerajaan ini.

Adalah menjadi niat Kerajaan Perikatan untuk menitikberatkan tenaga dan fikirannya untuk kebahagiaan dan kesejahteraan belia negara Malaysia ini. Kita akan menjalankan rancangan-rancangan untuk menolong memperbaiki taraf kehidupan, taraf kedudukan belia kerana Kerajaan sedar bahawa lebih kurang enam puluh peratus daripada penduduk-penduduk negara ini adalah terdiri dari orang-orang muda. Kerajaan Perikatan berazam hendak membantu pergerakan belia itu supaya belia seluruhnya tidak dapat dipengaiuhi oleh anasir-anasir jahat, anasir-anasir anti kebangsaan, anasir-anasir subversif. Kerajaan bermaksud menolong mendirikan bangunan-bangunan untuk belia-belia disetengah-setengah daerah dan tempat-tempat yang besar di seluruh Malaysia untuk pemuda dan pemudi berkumpul bercampur gaul bukan sahaja dalam lapangan permainan bahkan dalam lapangan pelajaran dan kebudayaan. Kerajaan juga akan menambah bantuan-bantuan kewangan kepada badan-badan belia dan latihan-latihan akan dijalankan dengan lebih cergas lagi di pusat-pusat latihan belia seperti di Pusat Latihan Belia yang sedang dibina di Pertak, Kuala Kubu Bharu. Pusat Latihan Belia di Morib akan dijadikan sebagai kem supaya belia boleh pergi ke sana untuk bersukaria dan menerima latihan yang berfaedah kepada belia.

Kerajaan Perikatan juga sedar akan banyaknya belia-belia yang tidak mempunyai kerja dan Kerajaan akan menjalankan rancangan-rancangan untuk mengatasi masalah ini. Tidak lama lagi Kerajaan akan mengerah tenaga 14,000 belia untuk dilatih di dalam ilmu ketenteraan untuk menjadi askar simpanan ataupun askar biasa di dalam Pasukan Bersenjata Persekutuan Malaysia dan di dalam Pasukan Pegawai Awam. Kerahan tenaga ini adalah kerana hendak menyiap sediakan negara kita bagi menghadapi konfrantasi yang dilancarkan oleh Indonesia. Di sini saya suka mengambil peluang untuk memberitahu tuan-tuan dan puan-puan tentang sebab-sebab kegagalan persidangan kemuncak di Tokyo tempoh hari. Tuan-tuan dan puan-puan hendaklah faham bahawa pihak Malaysia, Tunku dan saya sendiri telah cuba dengan sedaya upayanya untuk berkawan baik dan memulihkan semula perhubungan kita dengan Indonesia. Tetapi malangnya segala usaha-usaha kita itu tidak diterima oleh pihak Indonesia. Saya juga suka memberitahu di sini bahawa kita tidak sekali-kali bermusuh dengan rakyat Indonesia, kita hanya bermusuh dengan pemimpin-pemimpin Indonesia yang memegang teraju pemerintahan Indonesia sekarang ini. Di dalam rundingan-rundingan kemuncak, pihak Malaysia telah memberitahu Indonesia bahawa

kita sentiasa mahu bersahabat dengan Indonesia, kita sentiasa mahu menjaga keamanan di Tenggara Asia dan kita mahu bekerjasama dengan Indonesia kalau Indonesia sendiri juga jujur dan benar-benar hendak bersahabat dengan kita. Syarat kita untuk berkawan baik dan berjiran ialah hendaklah berhentikan pencerobohnya ke dalam kawasan Malaysia dan ia hendaklah menarik balik semua gurila-gurila serta askar-askarnya yang sekarang masih ada di dalam kawasan Malaysia. Tetapi Indonesia berkeras tidak mahu mengundurkan askar-askarnya. Setakat ini baik pada zahir mahu pun batin, Indonesia telah menunjukkan kepada kita bahawa ia tidak mahu mencari jalan untuk berdamai dengan kita. Keengganan Indonesia ini jelas menunjukkan bahawa Indonesia telah mencero boh dasar dan tujuan Bangsa-bangsa Bersatu dan melawan semangat Bandung yang kita dan negara-negara Afro-Asia mengagong-agongkan. Indonesia sendiri adalah satu pengasas Semangat Bandung ini.

Malaysia akan sentiasa bersedia untuk berunding dengan Indonesia bila-bila masa juga, tetapi dengan syarat Indonesia mestilah menunjukkan yang ia betul-betul jujur hendak mencari persetujuan dengan kita. Kegagalan sidang kemuncak di Tokyo itu telah menimbulkan keadaan yang sangat tegang di Malaysia dan Indonesia. Indonesia sekarang tiap-tiap hari berteriak hendak mengganyang Malaysia. Tetapi saya yakin, tuan-tuan dan puan-puan semua dan seluruh rakyat negara kita sekarang berada di dalam keadaan bersiap sedia dan sentiasa bersedia untuk mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara kita jika negara ini diceroboh oleh musuh.

Di dalam saat yang genting ini saya berdoa kepada Tuhan sambil itu saya berharap kepada tuan-tuan dan puan-puan supaya berfikir dengan tenang bahawa inilah masanya tiap-tiap rakyat seluruh Malaysia patut memikirkan apakah yang mereka boleh buat kepada negara mereka dan jangan hanya sentiasa bertanya apakah negara boleh buat kepada mereka. Saya sekali lagi mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana dapat berjumpa dengan tuan-tuan dan puan-puan sekalian pada hari ini dan dengan itu dapat bertukar-tukar fikiran di dalam persidangan ini. Saya dengan sukacitanya membuka persidangan ini.